



PULAU GRANDE TERRE DAN NOUMEA



Sangat menenteramkan apabila meninggalkan pejal tanah dan jerit tayar mat rempit. Sangat indah merenung ke hujung pemandangan dan menikmati debur perlahan laut di bawah haluan. Inilah dunia yang saya rindu, dan harus datang jauh untuk menjadi siuman dan perasa yang jujur kembali.



Laut sudah lama belajar bersahabat
dengan kapal
pencerobohnya
membenarkan haluan besar
menguak lurah
di lebuh cecairnya
ombak menepi
dan berbuih sebagai penerimaan.

Kami sudah sampai di kaki langit
di cakerawala air dan awan
di dalamnya diri yang separa gelisah.

Maka aku pun kembali bertemankan diri
dan raja ilmu yang dikutip daripada
perjalanan jauh.


Dalam sebuah perjalanan
tersusun babak baharu
yang merangkai juga ceritera lama
dalam belok
pengalaman yang panjang.

yang lain pula. Saya berdiri di dek untuk bertemu dengan diri
pada masa muda!

Setelah dua hari menatap hanya laut dan langit, maka pada
pagi ketiga, kami merapati bagan di pelabuhan Noumea yang
besar. Sudah lama saya memimpikan Noumea, setelah sampai
di Taiwan, Vietnam, Tonga, Raratonga, Pulau Cook, Fiji, Tahiti
dan Samoa, pada banyak tahun yang lalu. Bagaimanakah cara
hidup mereka? Masih adakah pohon adab dan cara yang purba
yang menyatukan kita? Bahawa mereka daripada keturunan
Melayu-Polinesia sudah lama kita maklum. Kita pun diberitahu
bahawa mereka dari Taiwan dan merebak ke seluruh Pasifik. Saya
juga berpeluang bertemu dengan beberapa orang daripada
suku-suku Melayu-Polinesia ini di Vietnam, termasuklah Ede dan
Cham.

Kini, teori terbaharu, berdasarkan tinggalan barangan
tamadun, Profesor Nik Hassan Shuhaimi menyimpulkan
bahawa mereka ini datang pada awalnya ke Semenanjung,
dan dari sanalah mereka ke Sumatera, Jawa dan Kalimantan,
serta ratusan pulau Indonesia dan Pasifik. Teori baharu lain pula
menyebut bahawa suku Semang sebagai punca semua manusia
Melayu-Polinesia, yang bermula di Semenanjung, belayar ke
mana-mana. Salah satu sebab saya ingin ke pulau-pulau Pasifik
utara ini adalah untuk mencari leluhur dan salasilah yang
berusia ribuan tahun!

Saya berjanji diri sendjri untuk menikmati dunia
yang langka dan sedang diruntuhkan kapitalisme dan
projek "pembangunan" yang memanjat sampai ke dahi.
Saya berjanji diri untuk lama merenung pasir dan bukit,
kelapa dan pina kerana semuanya ini menyimpan masa
sudah saya, walaupun di laut yang lain dan pada zaman



Suasana senja di Noumea.

Maka itu, apabila bukit pulau berbayang di kaki langit dan samar kelabu menjadi hijau pohonan dan bentuk rumah dan gudang, jentera kembara saya pun dengan sendirinya melaju dan menerkam. Pulau-pulau di New Caledonia ini terjadi daripada lahar dan juga karang yang membina daratan melalui siput serta kulitnya. Laut sangat jernih di sini, seperti

laut pertama. Sebahagian besarnya berlantaikan dan berhiaskan karang serta seribu jenis ikan dan warna sihir mereka. Hal ini merupakan idaman bagi penyelam dan peneroka laut.

Bukan semua pantainya berpasir, tetapi yang berpasir diindahkan dengan deretan kelapa, pohon bakau dan hutan. Yang berkarang lebih mentah, tetapi indah juga dalam kementahannya, dan segi yang digeser air.

Saya teringat pada zaman 1940-an dan 1950-an di Pulau Pinang dan Perak, di mana alam lebih berkuasa daripada manusia, dan membenarkan manusia mencari rezeki daripadanya – dan sementara itu merekayasa dirinya untuk hidup bersama.

Pulau Noumea ialah sebuah pulau antara 300 pulau di negara kepulauan ini. Terdapat 18 buah pulau besar, dan puluhan yang kecil, dan sebahagian besarnya, malah tidak berpenghuni. Antara yang terbesar termasuklah Chesterfield, Ballad, dan Isle of Pines. Ah! nama pulau yang terletak 15 ribu kilometer dari England pun ditukar dengan nama Inggeris. Inilah keangkuhan kolonial tanpa



Pelabuhan untuk kapal persiaran yang besar, di samping bagan untuk bot layar.

Saya teringat pada zaman 1940-an dan 1950-an di Pulau Pinang dan Perak, di mana alam lebih berkuasa daripada manusia, dan membenarkan manusia mencari rezeki daripadanya – dan sementara itu merekayasa dirinya untuk hidup bersama.



Citra awal dua orang hulubalang Kanak.

tandingan (dan mereka melakukannya di Amerika, Asia, Afrika, Polinesia dan malah ke Antartika dan Artik!).

Noumea ialah ibu kota yang dipilih oleh kerajaan dan pengembara Inggeris serta Perancis. Negaranya dikenali sebagai New Caledonia, *Nouvelle-Calédonie*, yang ditadbir di bawah Perjanjian Nouméa Accord. Secara geografinya, pulau-pulau ini tersebar di barat laut Pasifik. Ke utara ialah Pulau Vanuatu, tetapi jauh ke selatan ialah Benua Australia, sekitar 1210 kilometer. Tetapi semuanya sangat jauh dari negara Perancis sebenar, iaitu 20 ribu kilometer ke Eropah.

Lebih tepat lagi, New Caledonia dikenali sebagai salah sebuah daerah Melanesia. Pulau-pulainya, antaranya termasuklah pulau utamanya, iaitu Grande Terre, Kepulauan Loyalty dan Kepulauan Chesterfield, Kepulauan Belep, Pulau Pines dan beberapa yang lain. Kini, terdapat sekitar 270 ribu penduduk di semua pulau ini. Mereka terdiri daripada beberapa suku asli, seperti Kanak, orang berketurunan Eropah, Polinesia, Asia Tenggara dan Afrika. Cukup rancam penduduknya. Oleh sebab itu, hal ini baik untuk kolonisasi dan penguasaan Perancis yang dapat membagi dan menjarah dengan mudah, dengan memperkelahikan suku-sukunya.

Secara perinciannya, yang pertama sekali menduduki pulau-pulau ini ialah suku Kanak. Saya kira suku ini tiada hubungan langsung dengan suku Sekanaq di Pulau Singkep, Riau yang dianggap sebagai suku asal Hang Tuah. Mereka berbangsa Melanesia, sementara Hang Tuah Melayu-Polinesia.

Sejempit Sejarah Pahit dan Berdarah

Sejarah Caledonia boleh ditarik ke titik yang lebih awal, iaitu kepada kehadiran suku Lapita, yang dikesan berada di sini pada jangka waktu 1600SM, iaitu selama lebih 2000 tahun. Bangsa Lapita dikesan sebagai bangsa

pelaut dan peladang yang handal, dan telah menyeberang lautan yang luas di selatan Pasifik untuk tiba di sini. Hanya lebih kurang 1200 tahun setelah mereka, barulah muncul perahu manusia dari Eropah di lautnya.

Pada 4 September 1774, seorang pelayar Inggeris yang bernama James Cook ternampak pantai New Caledonia. Pulau besar ini dinamakan New Caledonia, walaupun orang Kanak sudah ada nama mereka sendiri, yang kononnya kelihatan seperti Scotland – dalam bahasa Latin Scotland dikenali sebagai *Caledonia*. Oleh hal yang demikian, Cook merasa berhak menamakannya kembali – dan ini agak lucu dan sedih – kerana sebahagian daripada tebingnya kelihatan seperti Scotland, iaitu tanah lahir ibunya.

14 tahun setelah itu, muncul pula di pantai Grande Terre seorang bangsawan Perancis yang bernama Comte de Lapérouse, pada tahun 1788. Dia juga melawat Kepulauan Loyalty, Mare, Lifou, Tiga, dan Ouvea. Pelayar lain yang mendarangi pulau-pulau ini ditarik oleh bau cendananya, dan juga keuntungan yang didapatkan kerana menangkap dan menjual penduduknya sebagai abdi atau buruh paksa. Setelah itu, mubaligh Kristian cepat memasuki pulau-pulau ini walaupun paderi awal dibunuh dan dimakan oleh penduduknya.

Peristiwa awal ini membawa kepada penguasaan penuh di bawah Napoleon III pada 24 September 1853, di bawah perintah Laksamana Febvrier Despointes. Maka itu, Noumea pun didirikan. Seperti England mengiriskan penjenayahnya ke Australia, Perancis juga mengiriskan puluhan ribu penjenayah dan pesalah politiknya ke sana. Wah, negara orang yang



Pemandangan dari tebing laut Grande Terre.

jauh dan berkulit sawo matang dijadikan tempat pembuang penjenayah mereka, sementara mereka mengembangkan agamanya! Selain penjenayah, Perancis bermurah hati membawa cacar dan campak yang membunuh hampir 100 ribu penduduk Kanak.

Cerita penjajahan panjang, rumit, hitam, kejam dan berdarah. Setelah itu, New Caledonia menjadi sebahagian daripada Perancis. Untuk memendekkan cerita, penduduk Kanak melawan kembali pada bulan Mac 1984, melalui organisasi mereka, iaitu Front Indépendantiste, dan menubuhkan sebuah kerajaan sementara pada tahun 1985 melalui *Kanak and Socialist National Liberation Front* (FLNKS). Setahun selepas itu mereka diberikan kedaulatan, yang dikembangkan lagi setelah itu.

Demikianlah sejarah yang tidak pernah senyap atau pun adil kepada manusia di dunia asal. Kedatangan orang Eropah yang mencari kekayaan, kekuasaan dan juga nama meminggirkan bangsa asal, yang dahulunya menjadi majoriti, tetapi sekarang hanya satu daripada suku yang banyak – sebahagiannya pendatang. Mereka juga tidak dilibatkan dalam kekayaan ekonomi negara, melainkan sebagai hamba dan buruh kasar. Pekerja di lombong diimport dari pendatang Asia ke utara.

Sampai ke Pantai Noumea

Setelah tiga hari dan dua malam di dunia ombak dan awan, bayang-bayang pulau mengejutkan impian dan harapan. Perjalanan jauh sudah sampai pada destinasi pertamanya, walaupun di tingkap gambarnya pun direnjis hujan dan buih

Separuh Laut

Hatiku separuh laut
dan separuh pulau
kedua-duanya mendengar
angin dan gertak pantai
pasir pantai dicairkan ombak
dan laut dipasirkan hakisan bukit.
Jiwaku pejal dan cair
akhirnya menjadi lumpur
di pantai
bermimpikan kedua-dua
leluhurku.

laut. Tidak mengapa, sebahagiannya saya tambah dengan citra pulau indah dalam kantong ingatan saya.

Sekali lagi saya akan berpijak pada tanah pejal dan nyata di tengah Pasifik yang tenang (*pasifik* bermaksud tenang dan tenteram). Kami hanya ada lapan jam untuk meneroka kota dan pulau – yang kelihatan teratur, bersih dan cukup mewah – walaupun sangat jauh dari pusat-pusat dan kota-kota Australia dan Asia Tenggara.

Cara yang kami pilih supaya dapat melihat sebanyak mungkin tarikan di Noumea adalah dengan membeli sebuah *tour* dengan bas. Bas inilah yang akan membawa kami mengelilingi kota dan sebahagian dari pulau Grande Terre ini. 